

Headline	Bala akibat hidup tercela		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Mar 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	31	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	320 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,792
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,376



Bala akibat hidup tercela

*Krisis moral,
penyakit
berbahaya
kerana langgar
batas etika
ditetapkan
agama*



**WAN
MOHD
RUZLAN
WAN
OMAR**

Ada orang beranggapan bala-
san atas perbuatan maksiat
hanya akan dikenakan di
akhirat kelak menyebabkan
ada yang begitu berani malah
tanpa rasa malu kepada manusia dan
Allah sewenang-wenangnya melanggar
batas etika hidup yang ditetapkan
agama.

Contohnya, budaya hidup menga-
malkan hubungan seks secara bebas
semakin berleluasa. Lebih malang
apabila kita mendengar gejala negatif
yang tercela itu mulai merebak kepada
generasi remaja yang masih berada di
bangku sekolah.

Bala terhadap pelaku maksiat tidak
menanti hingga hari akhirat. Firman
Allah SWT: "Dan pasti Kami timpakan

kepada mereka sebahagian seksa yang
dekat (di dunia) sebelum azab yang
lebih besar (di akhirat), agar mereka
kembali ke jalan yang benar." (Surah
al-Sajdah, ayat 21)

Memang terbukti apa yang dinya-
takan Allah sudah pun berlaku sejak
sekian lama tetapi kita
jarang mengaitkan mala-
petaka seperti penularan
penyakit dengan amalan
hidup liar dan tidak ber-
moral.

HIV, Aids ragut nyawa

Amalan seks bebas dan
liar tabii mengakibatkan
menularnya penyakit
HIV dan Aids yang mera-

gut banyak nyawa. Sepa-
tutnya, apabila timbul
keadaan seperti itu meny-
edarkan kita kesan tidak
baik itu dan mencegah
diri daripada terjerumus
atau menjadi mangsa.

Namun, walaupun su-
dah diketahui kesan bu-
ruk dan diperlihatkan
melalui media massa
keperitan terpaksa dilalui
mereka yang menghidap
virus berbahaya itu, masih ada yang
tidak ambil peduli seakan-akan meny-
erahkan diri kepada situasi memba-
hayakan diri.

Sesungguhnya kita sebagai Mukmin
sewajar melihat sesuatu wabak pen-

Headline	Bala akibat hidup tercela		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Mar 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	31	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	320 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,792
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,376

yakit baru yang kronik dari perspektif agama dengan beranggapan inilah padahnya apabila aturan hidup yang ditentukan Allah dilanggar dan dipandang remeh.

Baginda SAW bersabda: "Tidaklah muncul suatu perilaku keji pada suatu kaum hingga mereka melakukannya terang-terangan melainkan akan menyebarkan di antara mereka wabak penyakit dan pelbagai penyakit yang belum ada pada orang-orang terdahulu mereka yang telah lalu." (Hadis riwayat Ibnu Majah)

Peringatan keras

Ini peringatan keras sebenarnya buat manusia supaya berwaspada dengan menjauhi perilaku sumbang yang akan mengundang bala berupa penyakit. Semua nasihat dan amaran Allah sememang terkandung hikmah di sebaliknya dan hal itu sudah pun terbukti pada masa kini.

Antara penegasan Allah seperti firman-Nya: "Dan janganlah kamu mendekati perbuatan-perbuatan yang keji, baik yang nampak, di antaranya mahupun yang tersembunyi, dan janganlah kamu membunuh jiwa yang diharamkan Allah (membunuhnya) melainkan dengan sesuatu (sebab) yang benar. Demikian

itu yang diperintahkan kepadamu supaya kamu memahaminya." (Surah al-An'am, ayat 151)

Leka dengan maksiat

Jika dulu kaum Nabi Lut Allah pupuskan terus dari muka bumi dengan menghancurkan mereka melalui hujan batu yang dahsyat tetapi umat akhir zaman ini Allah datangkan juga azab apabila masih leka dengan maksiat iaitu melalui menularnya wabak penyakit kronik yang sukar diubati.

Tetapi kerana menurut tuntutan nafsu dan inginkan gaya hidup bebas, masih ada yang tidak takut akan ancaman Tuhan. Inilah yang dikatakan apabila hati sudah gelap dan terhibaj daripada jalan kebenaran.

Jika kita menyayangi anak-anak dan mengharapkan mereka menjadi pewaris yang soleh, perlu memantapkan pendidikan agama. Ibu bapa seharusnya menjadi pendidik pertama yang perlu memainkan peranan membimbing ahli keluarga menjalani kehidupan mengikut syariat agama.

Sesungguhnya penularan penyakit berbahaya zaman kini berpunca daripada perbuatan manusia itu sendiri. Inilah yang dikatakan 'penyakit buatan manusia'. Manusia yang mengundang penyakit dan jalan paling selamat ialah kembali menghayati etika hidup digariskan agama.

Elakkan apa yang ditegah Allah, lakukan apa yang disuruh untuk memperoleh kehidupan sejahtera di

dunia dan kebahagiaan di akhirat.

